



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 4/1977**

*Catatan Untuk Menghidupkan semula 'Jenis Tanaman'
Apabila Surat Milik Pejabat Tanah Digantikan
Dengan Geran Mukim*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai implikasi sesuatu 'jenis tanaman' yang telah dicatatkan di dalam surat milik pejabat tanah yang sedang diambil tindakan menggantikannya dengan geran mukim.

2. Seksyen 170(2) (c) Kanun Tanah Negara memperuntukan bahawa tiap-tiap dokumen surat hakmilik sambungan hendaklah mengandungi ingatan-ingatan, catatan-catatan atau lain-lain maklumat yang sama seperti yang terkandung dalam hakmilik yang hendak diganti itu melainkan ingatan-ingatan, catatan-catatan atau lain-lain maklumat tersebut telah tidak terpakai lagi. Jenis tanaman ialah satu catatan yang terdapat dalam beberapa surat hakmilik pejabat tanah dan jika sesuatu surat milik tersebut perlu digantikan dengan geran mukim, maka catatan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam geran mukim itu. Satu kesulitan telah timbul oleh kerana borang geran mukim tidak mengandungi ruangan untuk dicatatkan 'jenis tanaman' tetapi dalam perkara ini, Peguam Negara telah memberikan nasihat seperti berikut:

"Section 36A of the FMS Land Code cap 138 is capable of an interpretation which in no way implies that the specification in a document of title of the nature of cultivation or the purpose of alienation does not amount to an express condition excluding the cultivation of other crops. All that the section does is to imply a condition as to the extent and method of cultivation where the nature of the cultivation or the purpose of alienation is stated to be "padi" or "bendang". This is quite consistent with the view that an entry in the "nature of cultivation" column constitutes an express condition excluding the cultivation of crops other than the crop or crops specified.

The fact that there is a separate column for "express condition" does not imply that the "nature of cultivation" column does not contain express conditions relating to the nature of cultivation. On the contrary, as section 36A implies, by the phrase "the nature of cultivation or the purpose of alienation", the nature of cultivation specified in the document of title is a basic condition of alienation.

Finally, it seems to me to be quite unrealistic to suggest that stating the nature of cultivation in the document of the title has no legal effect at all.”

3. Berdasarkan kepada pendapat Peguam Negara, maka catatan ‘jenis tanaman’ dalam setiap surat milik pejabat tanah hendaklah disifatkan sebagai syarat nyata dan ‘jenis tanaman’ itu hendaklah dimasukkan (dicatatkan) di dalam geran mukim yang menggantikannya. Adalah di syorkan bahawa catatan (di ruangan syarat nyata dalam geran mukim) yang akan menggantikan ‘jenis tanaman’ hendaklah ditulis seperti berikut:

“Berdasarkan catatan ‘..... (nyatakan jenis tanaman)’ sebagai jenis tanaman dalam hakmilik asal, tanah ini hendaklah digunakan semata-mata untuk (nyatakan jenis tanaman)/ tanaman(nyatakan jenis tanaman).”

4. Bagi sesuatu kes di mana syarat nyata yang tercatat di dalam surat milik pejabat tanah itu bertelingkah dengan ‘jenis tanaman’ yang tercatat di dalam surat milik tersebut, maka maksud jenis tanaman itu tidaklah perlu dipatuhi. Di mana ‘jenis tanaman’ tidak merupakan satu tanaman (seperti ‘lalang’ atau buluh’) dan surat milik itu tidak mengandungi syarat nyata, maka maksud ‘jenis tanaman’ itu tidak perlu juga dipatuhi.

5. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa sekiranya tiada apa-apa pertelingkahan di antara syarat nyata dengan ‘jenis tanaman’ di dalam sesuatu surat milik pejabat tanah maka geran mukim yang menggantikan surat milik itu hendaklah dicatatkan dengan kenyataan seperti di perenggan 3 di atas.

DATO’ ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 19/1950 Bab. 1

Kuala Lumpur